

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG
(HULU RAJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2015

Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada cadangan untuk membuka sebuah bank di BRS Sungai Asap, Belaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini dalam Mukim Sungai Asap, telah terdapat satu ejen perbankan Bank Simpanan Nasional (BSN) iaitu Syarikat Sri Juman, beralamat di No. 1, Block C, BRS Uma Juman,

Sungai Asap, 96900 Belaga, Sarawak, yang beroperasi sejak 3 Februari 2012. Penduduk dapat mengenal pasti ejen bank berdaftar (EB) melalui logo kebangsaan EB yang dipaparkan dengan jelas bersama-sama logo bank berlesen di premis perniagaan EB berkenaan. Selain itu, terdapat sebuah cawangan BSN di Daerah Belaga yang terletak kira-kira 25 kilometer dari sempadan Mukim Sungai Asap yang menyediakan perkhidmatan perbankan.

EB dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan perbankan asas seperti berikut:

- a. Mengambil deposit;
- b. Mengendalikan pengeluaran wang;
- c. Mengendalikan pindahan dana / wang;
- d. Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan
- e. Mengendalikan pembayaran bil; dan
- f. Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

EB adalah tertakluk kepada pengawasan institusi kewangan yang terbabit dan beroperasi di bawah Garis Panduan Perbankan Ejen yang dikeluarkan

oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memastikan keselamatan dan integriti transaksi yang dikendalikan oleh EB adalah teratur dan terpelihara.

Bank Negara Malaysia sedang memperluaskan lagi usaha ini dengan tujuan untuk memastikan bahawa setiap mukim di Malaysia juga mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan sama ada cawangan bank, *Automated Teller Machine* (ATM), atau ejen bank berdaftar (EB). EB menyediakan akses mudah kepada perkhidmatan kewangan asas yang ditawarkan oleh bank berlesen melalui kedai runcit atau pejabat pos. Jumlah mukim yang menerima perkhidmatan kewangan kini melalui pusat akses kewangan telah meningkat kepada 96.4% setakat Jun 2015.